

**JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK/SERIOUS YANG BOLEH DIBERI PERTIMBANGAN BAGI MAKSUD SEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

1. **KANSER**

Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat merbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan *histology* yang jelas. Penyakit ini merangkumi *leukemia lymphoma* dan penyakit *Hodlin* tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak merbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali *malignant melanoma*.

2. **SERANGAN JANTUNG**

Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang kebahagian jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat.

Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:-

2.1 Penggantian atau Pembaikan Injap Jantung

Prosedur di mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak.

2.2 Pembedahan Arteri Jantung/Coronary Angioplasty

Prosedur yang melibatkan *coronary artery by-pass surgery* dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk *angioplasty*.

2.3 Pembedahan Aorta

Prosedur yang melibatkan bahagian aorta yang sakit dibedah dan digantikan dengan *graft*. Aorta yang terlibat ialah *thoracic* dan *abdominal aorta*.

3. **PULMONARY HYPERTENSION**

4. **SAKIT BUAH PINGGANG YANG KRONIK**

Penyakit di mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan dialisis renal dan pemindahan renal.

5. **SAKIT HATI (LIVER ) YANG KRONIK**

Tanda-tanda penyakit ialah diserangi penyakit *jaundice*, *ascites* dan/atau *hepatic encephalopathy*.

6. **FULMINANT VIRAL HEPATITIS**

*Necrosis* hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan *massive parenchymal liver disease* dan juga tanda-tanda *portasystemic encephalopathy*.

7. **KECEDERAAN DIKEPALA DISEBABKAN KEMALANGAN**

Kecederaan kepala disebabkan kemalangan (termasuk kerana diserang) mengakibatkan trauma kepala teruk dengan defisit neurological yang juga boleh mengakibatkan kematian bila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan, atau walaupun selamat, pesakit mengalami kecederaan kepala yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperolehi.

8. **TUMOR DAN KECACATAN PEMBULUH DARAH DI OTAK**

Pengesahan mestilah diperolehi daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.

9. **MELEPUH DAN MELECUR KERANA KEBAKARAN**

*Third degree burns* yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaikpulih.

10. **PEMINDAHAN ORGAN UTAMA**

Pemindahan organ seperti buah pinggang, hati jantung, paru-paru *pancreas* dan tulang som-som.

11. **PENYAKIT PARKINSON**

12. **PENYAKIT HIV DAN AIDS**

13. **PEMINDAHAN KAKI DAN/ATAU TANGAN**

Ini tidak merupakan penyakit dalam ertikata sebenar. Namun begitu kecederaan dan ketidaksempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan disebelah atas termasuk tangan dan sendi bahu dan anggota kaki di sebelah bawah termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa dipotong. Pemetongan kecil jari kaki atau tangan tidak layak diberi potongan cukai di bawah peruntukan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
UNIT 35, BAHAGIAN TEKNIKAL  
KUALA LUMPUR  
17 Januari 2001